



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK

GARIS PANDUAN

**GERAN SOKONGAN PENGANJURAN ACARA, PESTA, INDUSTRI KREATIF DAN SENI
PERSEMBAHAN BERKAITAN PELANCONGAN, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SARAWAK**

ISI KANDUNGAN

- 1. PENGENALAN**
- 2. OBJEKTIF GERAN**
- 3. FORMAT PERUNTUKAN**
- 4. SKOP AKTIVITI**
- 5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**
- 6. SYARAT-SYARAT TAJAAN**
- 7. TATACARA PERMOHONAN**
- 8. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR**
- 9. PEMAKLUMAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)***

1. PENGENALAN

- a. Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan mengenai syarat-syarat kelayakan dan prosedur penyaluran kepada mana-mana permohonan yang layak dan telah diberi pertimbangan daripada kementerian ini;
- b. Permohonan Geran Sokongan yang dipertimbangkan adalah bagi penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang bakal dilaksanakan dalam tempoh Januari sehingga Disember dalam tahun semasa;
- c. Geran Sokongan ini hanya memberi fokus serta tumpuan sepenuhnya ke atas bagi penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan berkaitan **pelancongan, kesenian dan kebudayaan sahaja**.

2. OBJEKTIF GERAN

- a. Untuk menggalak, membangun dan menjamin kelangsungan aktiviti berkaitan industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan melalui penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan. Disamping itu, ia akan memberi pulangan pelaburan kepada ekonomi serta kesejahteraan sosial terhadap Rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- b. Geran Sokongan ini juga bertujuan supaya setiap penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang diadakan dapat memberi impak yang memberansangkan samada dari segi jumlah kehadiran pengunjung domestik serta antarabangsa, purata perbelanjaan pengunjung dan tempoh masa lawatan ke Negeri Sarawak; dan
- c. Selari dengan inisiatif *Post Covid Development Strategy 2030 (PCDS 2030)* untuk menjadikan industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan Negeri sebagai salah satu sektor utama dalam pelan pembangunan ekonomi Sarawak.

3. FORMAT PERUNTUKAN

- a. Format peruntukan adalah dalam bentuk bantuan secara **Geran Sokongan (Support Grant)**.

PARTIALLY



4. SKOP AKTIVITI

- a. Setiap Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang dicadangkan hendaklah bersetujuan dan selaras dengan dasar, objektif, bidang keutamaan serta berpandukan hala tuju terkini Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (*MTCP*);
- b. Setiap Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang dicadangkan haruslah tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan tradisi masyarakat majmuk di negeri ini serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan pergolakan atau mengganggu-gugat kestabilan politik, sosial, ketenteraman awam dan keselamatan negeri serta negara.
- c. Setiap cadangan penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan mesti memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Dianjurkan di dalam atau luar negeri Sarawak;
 - ii. Program boleh dianjurkan di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa;
 - iii. Memberi keutamaan dan melibatkan penyertaan daripada pengusaha industri tempatan seperti penginapan, pemilik tapak acara, pengurus acara, tenaga kerja, komuniti setempat dan lain-lain; dan
 - iv. Memberi faedah dan meransang pertumbuhan ekonomi di Negeri Sarawak secara keseluruhan.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Pemohon adalah terdiri daripada kategori seperti berikut:
 - i. Syarikat dan Organisasi Swasta tempatan (telah beroperasi sekurang-kurangnya selama tempoh 1 Tahun;
 - ii. Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLC*);
 - iii. Pertubuhan/ Persatuan Bukan Kerajaan (*NGO*) tempatan; dan
 - iv. Pertubuhan/ Persatuan Bukan Berorientasikan Keuntungan (*NPO*) tempatan yang tidak berdasarkan keuntungan (*non-profit*).
- b. Pemohon selaku pengajur perlu mempunyai maklumat pendaftaran yang sah dan diwajibkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran/ pengesahan seperti berikut:
 1. Syarikat/Organisasi Swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (*GLC*):
 - i. *Corporate Profile*;
 - ii. *Summary of Share Capital*;
 - iii. *Directors/ Officers*;
 - iv. *Shareholders/ Members*;
 - v. *Company MOA/ Constitution*;
 - vi. *Summary of Financial Information*;
 - vii. Laporan penyata kewangan terkini atau ‘*management account*’ bagi syarikat yang telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 1 Tahun; atau
 - viii. Penyata kewangan terkini yang telah diaudit oleh pihak pengaudit yang berdaftar.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- c. Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (*NPO*) dan Pertubuhan / Persatuan Bukan Kerajaan (*NGO*):
 - i. Organisasi yang berdaftar dibawah Akta Pembangunan Sukan dan Akta Pertubuhan (Registrar of Society) yang berstatus aktif dan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun daripada tarikh permohonan;
 - ii. Berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej; atau
- d. Pemohon perlu mengisyiharkan kepada Kementerian sebarang hasil (tajaan, tiket, sewa, bayaran, dan lain-lain pendapatan) apa-apa sumbangan yang telah dan akan diterima daripada pelbagai sumber.

6. SYARAT-SYARAT TAJAAN

- a. Kelulusan Geran Sokongan hanya akan dipertimbangkan sekiranya kertas cadangan memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di dalam lampiran *Event Proposal Checklist*.
- b. Setiap permohonan diwajibkan untuk menyatakan sasaran faedah pulangan (*Return of Investment*) kepada industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan dan juga butiran terperinci anggaran kos penganjuran untuk tujuan penilaian pihak Kementerian.
- c. Nilai publisiti hasil daripada tajaan perlu setimpal dengan jumlah peruntukan yang disalurkan.
- d. Pemohon diwajibkan untuk menyenaraikan senarai penaja yang telah mengesahkan penglibatan dalam program/aktiviti berkenaan.
- e. Pihak penganjur diwajibkan untuk mengambil *Public Liability Insurance* dan polisinya hendaklah dihantar kepada Kementerian untuk tujuan rekod.

6. SYARAT-SYARAT TAJAAN

- f. Segala bentuk **artwork** seperti *backdrop*, *banner*, *fishtail*, buku program dan sebagainya hendaklah disediakan sekurang-kurangnya **dua (2) minggu** sebelum program berlangsung dan **artwork** tersebut perlu mendapatkan pandangan dan **kelulusan** daripada pihak Kementerian.
- g. Pihak pengajur wajib mempamerkan logo **Sarawak State Crest** dan **Sarawak More to Discover** di dalam apa-apa juga bentuk bahan-bahan promosi.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK

Versi
Bahasa Melayu



MINISTRY OF TOURISM,
CREATIVE INDUSTRY AND PERFORMING ARTS
SARAWAK

Versi
Bahasa Inggeris



6. SYARAT-SYARAT TAJAAN

- g. Pihak pengajur diwajibkan untuk mengadakan sidang akhbar dan mesyuarat penyelarasan dengan agensi berkaitan bagi Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan berdasarkan keperluan yang akan ditetapkan oleh Kementerian bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program.
- h. Pihak pengajur diwajibkan untuk menyediakan dan mengemukakan *press kit* serta draf teks ucapan kepada pihak Kementerian sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum mengadakan sidang akhbar.
- i. Jemputan untuk Tetamu Kehormat bagi sesuatu acara tersebut perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian.
- j. Penajaan yang telah diluluskan untuk pengajuran sesuatu Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan akan dibatalkan sekiranya pihak pengajur gagal melaksanakan Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam surat perjanjian dan pihak Kementerian berhak untuk menuntut kembali jumlah peruntukan yang telah disalurkan.
- k. Tajaan untuk acara yang dianjurkan oleh pihak swasta secara tahunan adalah terhad untuk tempoh 3 tahun sahaja.
- l. Pemohon yang gagal memenuhi syarat-syarat tajaan akan disenarai hitam.

7. TATACARA PERMOHONAN

- a. Pemohon perlu menghantar surat rasmi permohonan geran sokongan, mengisi *Tourism Event Grant Form* dan menghantar kertas cadangan yang lengkap kepada pihak Kementerian.
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada **90 hari** atau **3 bulan** sebelum tarikh perlaksanaan acara dan pesta.
- c. Kertas cadangan perlu dikemukakan dalam **Bahasa Malaysia** atau **Bahasa Inggeris** sahaja.
- d. Setiap permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:
Setiausaha Tetap,
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak,
Tingkat 16, Sayap Kanan, Bangunan Baitulmakmur II,
Medan Raya, Petra Jaya,
93050, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 082 - 442226
Faks: 082 - 442216
- e. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan pegawai di Seksyen Acara Kementerian.

8. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR ACARA DAN PESTA

a. Semasa program/acara berlangsung:

- i. Penganjur Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan perlu memastikan setiap penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan adalah mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama;
- ii. Penganjur Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan perlu memastikan peruntukan yang diterima tidak disalahguna di dalam apa jua bentuk selain dari tujuan asal permohonan; dan
- iii. Penganjur Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan perlu mematuhi semua peraturan/undang-undang semasa yang sedang berkuatkuasa.
- iv. Penganjur hendaklah mengemukakan hasil kajian kepuasan pelanggan (*customer satisfaction survey*) yang disyaratkan dalam surat perjanjian.
- v. Penganjur hendaklah memastikan kualiti penganjuran Acara, Pesta, Industri Kreatif dan Seni Persembahan dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

b. Selepas program/acara selesai:

- i. Penganjur hendaklah mengemukakan laporan lengkap seperti yang disyaratkan dalam Surat Perjanjian Geran Sokongan.

9. PEMAKLUMAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 *ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM* (ABMS)

- a. Kementerian komited untuk memastikan semua urusan dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara profesional, adil dan berintegriti berlandaskan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.
- b. Kementerian adalah komited dalam pelaksanaan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS). Kit Anti Rasuah MTCP yang mengandungi maklumat lanjut berkenaan pelaksanaan ABMS MTCP boleh didapati di laman web rasmi (mtcp.sarawak.gov.my).
- c. Kementerian telah menyediakan polisi-polisi untuk dijadikan panduan individu, rakan niaga, pemegang taruh atauapun mana-mana pihak ketiga yang berurusan dengan Kementerian. Polisi-polisi yang disediakan adalah seperti berikut:
 - i. Polisi Anti Rasuah;
 - ii. Polisi Pemberi Maklumat;
 - iii. Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan;
 - iv. Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan; dan menggunakan
 - v. Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk PANS



Polisi-polisi ini juga boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR berikut: